



**TEKS UCAPAN**

**YANG BERHORMAT DATO' MOHAMAD ARIFF BIN MD YUSOF  
YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT**

**SEMINAR KEBANGSAAN REFORMASI PILIHAN RAYA:  
MANFAAT UNTUK GENERASI MUDA**

**PADA  
2 MAC 2019 (SABTU), 8.30 PAGI  
BERTEMPAT DI DEWAN PERSIDANGAN, PARLIMEN Malaysia**

Bismillahir Rahmaanir Rahiim.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera

**(Salutations)**

**Yang Berhormat Tuan Steven Sim Chee Keong**

Timbalan Menteri Belia dan Sukan;

**YBhg. Datuk Roosme Hamzah**

Setiausaha Dewan Rakyat;

**Yang Berbahagia Encik Mohamad Raimi Bin Ab Rahim**

Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM);

**Yang Berusaha Encik Thomas Fann**

Pengerusi BERSIH 2.0;

**Yang Berusaha Encik Muhamad Nur Iman Khudus**

Presiden Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM);

Yang Berusaha Dr Khairi Khalid

Penolong Rektor UiTM Pahang;

**Yang Berusaha Encik Che Hamdan Bin Che Mohd Razali**

Ketua Pusat Pengajian Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi, UiTM Raub;

Wakil-wakil Akademia, NGO, media massa, para pelajar institusi pengajian tinggi;

YBhg. Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan hadirin yang dihormati sekalian,

## **PENDAHULUAN**

Alhamdulillah, saya ingin memanjatkan rasa kesyukuran yang setinggi-tingginya ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah rahmat dan izinNya jua dapat kita bersama-sama pada pagi ini sempena **Seminar Kebangsaan "Reformasi Sistem Pilihan Raya: Manfaat Untuk Generasi Muda"** anjuran bersama Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Parlimen Malaysia, Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Raub, Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM) dan Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (BERSIH 2.0).

2. Saya percaya dengan pelbagai program pencerahan seperti program pagi ini, masyarakat akan menjadi lebih memahami usaha-usaha reformasi yang sedang dijalankan di Parlimen dan luar Parlimen dalam konteks demokrasi berparlimen.

Hadirin yang dihormati sekalian,

3. Seminar Reformasi Sistem Pilihan Raya ini adalah kesinambungan daripada beberapa siri program berkenaan Reformasi Parlimen yang diadakan oleh Parlimen Malaysia sebelum ini dengan kerjasama BERSIH, Kofi Annan & lain-lain, dan kemudiannya dengan Institut Darul Ehsan (IDE).

4. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada ABIM, UiTM Kampus Raub, PKPIM dan BERSIH 2.0 di atas penganjuran program yang cukup bermakna ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

## **INSTITUSI PARLIMEN**

5. Institusi Parlimen adalah sebuah institusi pokok yang telah dikanunkan di bawah Perlembagaan Persekutuan - undang-undang tertinggi negara. Namun, memandangkan Malaysia didirikan dengan prinsip demokrasi berparlimen, institusi ini tidak dapat dipisahkan daripada sistem pilihan raya. Ia ada hubung kait yang rapat dengan sistem pilihan raya yang adil, telus dan cekap

6. Hari ini pelbagai pihak akan melontarkan cadangan untuk membawa reformasi pilihan raya bagi memastikan pilihan raya yang lebih baik dapat dijalankan. Kita tidak mahu lagi mengulangi kesilapan atau kelemahan yang berlaku dalam pengurusan pilihan raya yang lalu. Ini termasuklah isu kerajaan sementara (*caretaker government*), isu persempadanan kawasan pilihan raya, undi pos, pendaftaran daftar pemilih secara automatik, pilihan raya kerajaan tempatan dan pelbagai cabang yang masing-masing mempunyai signifikan tersendiri dan perlu dinilai bersama.

7. Namun, persoalannya sejauh mana Reformasi Sistem Pilihan Raya yang dicanang ini membuka ruang dan peluang yang lebih mesra untuk generasi muda berpartisipasi dalam kancah politik sebagai medium sumbangan untuk turut sama membangunkan negara?

8. Justeru, seminar pada hari ini dianjurkan untuk membincangkan sisi manfaat untuk anak muda apabila dibicarakan tentang Reformasi Sistem Pilihan Raya.

Hadirin yang dihormati sekalian,

## **REFORMASI PILIHAN RAYA**

9. Pada tahun ini, 2019, Parlimen Malaysia akan menyambut Sambutan Jubli Intan 60 tahun amalan sistem demokrasi berparlimen di Malaysia. Ini kerana Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pertama telah membuka Mesyuarat Pertama, Parlimen Malaysia secara rasmi pada tanggal 12 September 1959 yang lalu.

10. Setelah 6 dekad ditubuhkan, pastinya reformasi institusi Parlimen dan sistem pilihan raya perlu diwacanakan, bagi memperbaiki segala ruang yang boleh diperbaiki. Antara isu-isu yang timbul ruang anak muda menerusi platform reformasi pilihan raya sudah tentu berkaitan dengan cadangan penurunan umur undi kepada 18 tahun yang secara tidak langsung akan membuka ruang buat golongan yang lebih muda untuk menentukan masa depan negara.

11. Selain itu, isu besar lain yang berkaitan termasuklah persempadanan pilihan raya yang terlalu tidak seimbang antara bandar dan luar bandar yang menjadikan suara anak muda yang majoritinya duduk di bandar kurang signifikan dari sudut nisbah pengundian, isu undi pos untuk mahasiswa yang menuntut di luar negara, pendaftaran automatik buat generasi muda dalam kategori pengundi pertama dan beberapa isu lain lagi.

12. Justeru diharapkan penganjuran seminar ini dapat bersama-sama membawa suara anak muda dalam kita membicarakan isu-isu melatari Reformasi Sistem Pilihan Raya. Ini adalah salah satu usaha melakar harapan dan merealisasikan masa depan yang diimpikan oleh generasi pewaris anak muda khususnya dalam kita membahaskan reformasi sistem pilihan raya.

13. Adalah diharapkan program yang dirancang untuk dilaksanakan ini dapat meningkatkan lagi pengetahuan rakyat bersesuaian dengan tajuk yang akan dibentangkan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

## **PEMBAHARUAN SISTEM PILIHAN RAYA PASCA PRU-14**

14. Saya memahami pelbagai pihak khususnya Ahli-ahli Yang Berhormat dan badan masyarakat madani (*civil society organization – CSO*), kumpulan pemikir dan orang perseorangan juga komited untuk turut sama membantu memartabatkan institusi Parlimen dan sistem pilihan raya negara menjadi yang bertaraf dunia atau antara terbaik di Asia.

15. Rakyat pada 9 Mei yang lalu telah memberikan mandat mereka kepada kerajaan yang baru melalui Pakatan Harapan agar reformasi sistem Pilihan Raya perlu dilakukan sepertimana yang dijanjikan di dalam Manifesto Pakatan Harapan, yang mengisytiharkan komitmen untuk “pilihan raya yang bersih, adil dan telus”.

16. Ini termasuklah memastikan pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya dan ahli-ahlinya adalah terdiri daripada kalangan yang bebas, mempunyai keyakinan orang ramai dan kompeten untuk memulakan reformasi bagi memastikan pilihan raya yang bebas dan adil pada masa akan datang.

17. Semenjak pilihan raya tersebut, Kerajaan Malaysia telah melantik seorang Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya yang baru dan Ahli-ahli Suruhanjaya baru juga telah dilantik. Juga telah

menubuhkan sebuah Jawatankuasa Pembaharuan Sistem Pilihan Raya bagi membincangkan cadangan-cadangan mengenai reformasi pilihan raya.

18. Hal ini telah menunjukkan tahap komitmen yang memberangsangkan untuk pembaharuan pilihan raya yang wujud dalam kalangan pemegang taruh Malaysia, dan pengalaman serta kepakaran mendalam yang sedia ada yang boleh dipanggil daripada sumber-sumber tempatan dan luar negara.

Hadiran yang dihormati sekalian,

## **HALATUJU**

19. Bagi pihak Parlimen Malaysia, saya mengharapkan reformasi sistem pilihan raya ini akan mendapat sokongan berterusan daripada masyarakat amnya.

20. Program pendidikan seperti seminar dan kolokium ini bukan sahaja memberikan input baru kepada pegawai-pegawai dan pihak berkuasa yang terlibat dengan agenda penting reformasi sistem pilihan raya malahan pada masa yang sama mendidik masyarakat tentang tatacara dan amalan demokrasi di Malaysia sendiri.

21. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berbahagia Encik Mohamad Raimi Ab Rahim dan para ahli jawatankuasa penganjur serta kakitangan Parlimen yang telah bertungkus lumus bagi memastikan kejayaan program ini.

22. Sudah tentu kita mahu Malaysia yang bersatu padu dalam sistem tatalaku serta tatakelola yang cemerlang. Kita mahu rakyat Malaysia berjaya dan menikmati kemakmuran dan kesejahteraan negara.

23. Ini penting bagi membina kembali sebuah negara dengan demokrasi tulen merangkumi kerajaan yang bersih, luhur dan berintegriti serta memantapkan sistem demokrasi. Rakyat Malaysia di mana-mana tempat di seluruh pelusuk dunia boleh memperkenalkan dirinya dengan bangga. Imej negara telah kembali pulih. Ramai merasa hairan dengan perubahan mendadak dengan aman. Saya berdoa kepada Allah SWT agar kita dapat melaksanakannya bersama seluruh bangsa Malaysia.

24. Akhir sekali, harapan saya adalah pada anak muda: belajarlah segala ilmu yang boleh menjadikan Malaysia sebuah negara maju dan dapatkanlah segala kemahiran dengan jati diri yang teguh dan cecal. Tolak rasuah dan kefahaman sempit serta bersama menegakkan kebenaran dan keadilan, ke arah Malaysia yang lebih cemerlang dan terbilang. Di tangan anda anak muda terletaklah harapan masa depan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

## **PENUTUP**

25. Akhir kata, izinkan saya mengucapkan terima kasih kepada semua peserta yang terdiri daripada para pensyarah, mahasiswa, wakil badan masyarakat madani dan kumpulan pemikir

khususnya generasi muda yang telah meluangkan masa untuk menimba ilmu di sini. Mudah-mudahan kedatangan saudara saudari semua bukanlah yang terakhir dan akan berkunjung kembali ke sini lagi nanti.

Dengan harapan ini, dengan lafaz Bismillahir rahmannir rahim, saya dengan sukacitanya merasmikan **Seminar Kebangsaan "Reformasi Sistem Pilihan Raya: Manfaat Untuk Generasi Muda"** pada pagi ini.

Sekian. Wabillahi taufik walhidayah wasalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.